


KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

AHAD  
03 Ogos 2025



## Mampu capai sejuta pencarum aktif SKSPS

**GEORGE TOWN** – Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) yakin sasaran untuk mencapai sejuta pencarum aktif Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) menjelang hujung tahun ini berada di landasan tepat.

Menterinya, Steven Sim Chee Keong berkata, setakat ini terdapat lebih 800,000 pencarum aktif di seluruh negara yang menca- rum di bawah skim berkenaan dan angka tersebut dijangka meningkat dalam masa terdekat.

"Kita memang yakin dengan usaha pelbagai pihak khususnya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan rakan strategik lain, sasaran satu juta penca- rum itu boleh dicapai menjelang hujung tahun ini," katanya selepas merasmikan sesi libat urus Perkeso bersama pekhidmat rumah ibadat bukan Islam di Pulau Pinang.

Menurut beliau, masih ramai individu dalam sektor bekerja sendiri termasuk penjaja, pemandu e-hailing, petani, nelayan



**STEVEN SIM** (dua dari kiri) ketika hadir ke sesi libat urus Perkeso bersama pekhidmat rumah ibadat bukan Islam di George Town semalam.

serta pengendali rumah ibadat bukan Islam yang tidak mengetahui bahawa mereka layak menca- rum di bawah skim berkenaan.

"Kita mahu semua lapisan

masyarakat sedar bahawa perlindungan sosial ini terbuka kepada semua termasuk mereka di rumah ibadat bukan Islam," katanya.

Beliau berkata, SKSPS itu amat penting kepada golongan B40 dan M40 yang bekerja sendiri yang sering kali tidak mempunyai sebarang perlindungan sekiranya ditimpa kemalangan atau hilang upaya.

"Usaha memperluas kesedaran ini juga menjadi agenda penting kerajaan dalam memastikan semua rakyat, tanpa mengira latar belakang pekerjaan mendapat perlindungan sewajarnya.

"Ini bukan hanya soal caruman, tetapi soal keselamatan, kelangsungan hidup dan kesejahteraan sosial rakyat secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata, dalam program semalam, seramai 200 individu yang bertugas sebagai pekhidmat rumah ibadat bukan Islam dari seluruh Pulau Pinang menerima tajaan caruman SKSPS sebagai usaha menggalakkan lebih ramai dalam kalangan komuniti tersebut menyertai skim keselamatan sosial yang ditawarkan kerajaan.

+

## Sim: One million self-employed contributors target within reach

By N. TRISHA  
trishang@thestar.com.my

**GEORGE TOWN:** The Human Resources Ministry is confident that the target of one million active contributors under the Self-Employment Social Security Scheme (SKSPS) by the end of this year will be reached.

Its minister Steven Sim (*pic*) said the ministry hopes to reach the target thanks to various efforts and awareness campaigns currently running nationwide.

He said as of now, there are more than 800,000 active contributors nationwide under the scheme, and that number is expected to

increase in the near future.

"The goal is for it to reach more people especially those who are self-employed.

"It is a social benefit offered by the government.

"If there is any accident or any incident, contributors can claim and have coverage in the form of compensation, pension, medical and rehabilitation care.

"It is important and that is why we want to promote it," he told the press after attending the briefing session for representatives from various non-Islamic houses of worship in Penang, about the SKSPS benefits under the Social Security Organisation (PERKESO)

at the Penang Harmony Centre here yesterday.



Minister Steven Sim speaking at the Penang Harmony Centre here yesterday.

Sim said that PERKESO has been carrying out programmes for those who fall under Islamic institutions and it was now reach-

ing out to non-Islamic places of worship.

He said last year there were 348 individuals from non-Islamic houses of worship who had started contributing to the scheme.

"This year, from January to June, we have 342 new individuals contributing to it.

Earlier during the event, Sim under his ministerial portfolio, sponsored contributions for 200 individuals (RM46,560) from several non-Islamic places of worship in Penang.

"We hope this will spur more people under this sector to come forward to contribute.

"It comes up to RM232 a year,

which is about 60sen a day.

"It is important that they know they can be protected under this scheme," he said.

Sim then shared in his speech that mutual respect for each other's cultures and using our diversity as our strength is of utmost importance.

"What is special about Malaysians is that we can work together. Our diversity is our strength.

"Regardless of our religious beliefs and differences, we are united. As the leaders of non-Islamic places of worship here you have a role to play to ensure that our community can live in peace with each other," he said.